

**MODUL**  
**BAHASA MELAYU**  
**SJK**  
**TAHUN 4**  
**UNIT 21 REKAAN**  
**INOVATIF**

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_



## UNIT 21 REKAAN INOVATIF

### Inovasi Topi



Murid perempuan : Apakah persamaan dan perbezaan antara topi biasa dengan topi serba guna, Jofri ?

Jofri : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Murid perempuan : Adakah topi serba guna amat sesuai digunakan oleh murid sekolah? Mengapa?

Jofri : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## Taman dalam Kaca

(Melengkapkan peta maklumat)

Ibu Aidil sangat kreatif. Beliau menghasilkan taman mini dalam balang kaca. Taman mini itu dikenali sebagai terarium. Beliau menghasilkan terarium dengan menggunakan bahan seperti balang kaca, batu kecil, tanah, pasir, kompos dan tumbuhan hiasan.

Aidil telah melihat cara terarium dihasilkan. Mula-mula, ibunya memasukkan batu-batu kecil ke dalam balang kaca. Kemudian, beliau memasukkan campuran tanah, pasir dan kompos dengan cermatnya.

Seterusnya, ibu Aidil memasukkan tumbuhan kecil. Sebelum menutup balang kaca itu, beliau menyiram tumbuh-tumbuhan itu.

“Wah, cantik sungguh taman dalam kaca ini!” puji Aidil. Dia berasa amat kagum apabila melihat hasil kerja ibunya yang kreatif dan inovatif.

### Tahukah Anda?

- Terarium boleh dijual pada harga RM10.00 hingga RM1800.00.
- Terarium dibuat dengan menggunakan balang kaca terbuka atau tertutup.
- Tumbuhan dapat hidup di dalam terarium antara satu hingga empat tahun.



Bahan	Cara membuat Terarium

### Cakera Video Digital Hiasan

(Tukarkan watak DVD kepada mentol)

DVD	MENTOL
Kira-kira <b>lima tahun</b> yang lalu, seorang pemuda bernama <b>Fazli</b> telah membeli aku. <b>Fazli</b> membeli aku kerana mahu <b>menonton</b> <b>filem yang menarik</b>	
<b>Fazli</b> amat gembira kerana aku <b>menayangkan gambar yang</b> <b>jelas dan cantik.</b>	
Pada suatu hari, nasib malang menimpa aku. <b>Badanku calar-</b> <b>balar.</b>	
Aku sangat <b>sedih.</b> Aku dan kawan-kawanku disimpan di dalam sebuah <b>kotak.</b>	
Namun begitu, <b>Fazli</b> tidak membuang aku. Dia mengubah aku menjadi <b>hiasan rumah.</b>	

**Perabot Batang Paip**  
(membina ayat penyata)

1. Kerusi - cantik

---

2. Meja - ruang tami

---

3. Rak kasut - kukuh

---

4. Lampu meja - bilik bacaan

---

## PENGUKUHAN


Catat maklumat pada peta di bawah

Pada 15 Jun yang lalu, SJKC Taman Sutera telah mengadakan Hari Reka Cipta dan Inovasi. Program itu dijalankan di Dewan Besar SJKC Taman Sutera. Program itu bermula dari pukul 8:30 pagi hingga 5:30 petang.

Tujuan program itu diadakan adalah untuk memupuk minat murid tentang sains. Selain itu, program itu bertujuan untuk meningkatkan daya kreativiti dan inovasi murid.

Pelbagai aktiviti seperti pameran sains, pertandingan reka cipta, dan permainan uji minda telah dijalankan. Sambutan yang diberikan oleh murid-murid amat menggalakkan.

Chun Han dan Aidil mengambil bahagian dalam pertandingan reka cipta. Mereka menghasilkan rekaan kreatif menara jam. Menara itu diperbuat daripada botol plastik dan DVD terpakai. Menara itu sangat cantik kerana diterangi lampu kelip-kelip yang berwarna-warni.



Lengkapkan ayat dengan kata ganda separa atau kata ganda penuh yang betul

jejari	sesungut	Tulang-tulang	Bikar-bikar	sesumpah
--------	----------	---------------	-------------	----------

1. Mereka melihat \_\_\_\_\_ dinasour yang dipamerkan di Galeri Sains.
2. Chun Han meletakkan \_\_\_\_\_ itu di atas meja dengan cermatnya.
3. Aidil mengelap \_\_\_\_\_ basikalnya supaya tidak berkarat.
4. Gauri terkejut apabila ternampak \_\_\_\_\_ di dahan pokok.
5. Belalang mempunyai sepasang \_\_\_\_\_ yang berfungsi sebagai organ deria.

## Penilaian

Berikan respons yang sesuai

Anak : Mengapakah ayat mengecat pintu pagar?

Ayah : \_\_\_\_\_

Bina lima ayat penyata berdasarkan gambar di bawah



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_